

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 31 Mac 2016 12:49
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SUARA HATI PELAJAR SK SUKA MENANTI KEDAH DIPEDULIKAN



31 MAC 2016 / 22 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi & Sela Oktavia
Gambar oleh: Anjung Tamu

SUARA HATI PELAJAR SK SUKA MENANTI ALOR SETAR KEDAH DIPEDULIKAN



ANJUNG TAMU ONLINE: Zaman sekarang pelajar dari pelbagai peringkat bijak meluahkan suara hati mereka yang inginkan pengalaman dengan melawat Insitusi Pengajian Tinggi sambil meredakan minda yang penat belajar dengan keadaan cuaca yang panas.

Dalam hal ini, 45 pelajar Sekolah Kebangsaan Suka Menanti (SKSM) yang diketuai oleh Guru Besarnya, Nurun Insan bin Hasbullah berkata, “Membina keyakinan diri dan mental murid serta persediaan untuk menara gading antara objektif lawatan ke UUM”.

Bukan sekadar lawatan dapat menggembirakan mereka malahan pertanyaan demi pertanyaan tentang kemudahan yang disediakan oleh UUM akan tetap Welcome Centre layani dalam mencurahkan ilmu kepada mereka.

Perasaan ingin tahu mereka membara apabila berada di Galeri Welcome Centre dengan adanya gambar Taman Rusa, Pusat Ekuin, dusun buah-buahan, litar *go-kart* dan *Gift Shop* yang menjual cenderamata promosi UUM.

“Saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UUM yang memberi layanan istimewa dan terbaik kepada murid-murid saya”, kata Guru Besar SKSM sebelum mengakhiri lawatan.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

